

***Hikayat Johor* (1908) dalam Historiografi Melayu: Kajian Intertekstualiti dalam Aspek Pensejarahan Johor Moden (1824-1895)**

A. RAHMAN TANG ABDULLAH

Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

dr.harta@gmail.com, art@ums.edu.my

Abstrak Makalah ini membincangkan kepentingan *Hikayat Johor* dalam aspek pensejarahan dengan memberi tumpuan khusus kepada kajian intertekstualiti. Ia didahului dengan perbincangan secara sepintas lalu tentang latar belakang penulisnya, Mejar Dato' Mohd. Said bin Haji Sulaiman, setiausaha almarhum Sultan Ibrahim (1895-1959). Seterusnya, perbincangan akan bertumpu kepada kajian intertekstualiti antara *Hikayat Johor* dengan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dan *Hikayat Johor* dengan *Hikayat Pahang*. Pemilihan ini adalah berdasarkan kedudukan ketiga-tiga teks tersebut yang merupakan sumber dan karya sejarah berkaitan perkembangan sejarah di Johor pada pertengahan kedua abad ke-19. Aspek perbincangan juga mengambil kira kewujudan sumber-sumber sekunder yang berkaitan tentang sejarah Johor pada masa itu.

Kata Kunci: *Hikayat Johor*, Sultan Abu Bakar, intertekstualiti, historiografi, Johor

Abstract This article discusses the significance of *Hikayat Johor* with specific attention to the intertextuality aspect. It is preceded by a brief narration of the author of *Hikayat Johor*, Major Dato' Mohd. Said bin Haji Sulaiman who is the private secretary to the late Sultan Ibrahim of Johor (R. 1895-1959). Then, the discussion will focus on the intertextuality aspect by comparing *Hikayat Johor* with *Tawarikh Datuk Bentara Luar* and *Hikayat Pahang*. These three texts are interrelated to the historical context of Johor in the second half of the nineteenth century. The discussion also incorporates other relevant existing secondary sources.

Keywords: *Hikayat Johor*, Sultan Abu Bakar, intertextuality, historiography, Johor

PENGENALAN

Dalam kajian yang berkaitan dengan karya sastera Melayu tradisional, aspek pensejarahan selalunya dikaitkan dengan karya sastera sejarah. Terdapat dua aspek pensejarahan yang lazimnya digunakan oleh para sarjana, iaitu kajian anotasi dan kajian intertekstualiti. Dalam konteks ini, kajian yang lebih kompleks boleh dilakukan pada teks yang mempunyai kaitan dengan teks-teks lain seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Aceh* dengan *Bustanus Salatun* dan *Hikayat Raja-Raja Siak* dengan *Tuhfat al-Nafis*. Bagi teks yang lebih mutakhir, kajian anotasi yang lebih kompleks boleh dilakukan dengan merujuk kepada kewujudan teks-teks lain dan juga sumber primer sezaman tentang peristiwa-peristiwa yang terdapat di dalamnya. Oleh hal yang demikian, teks-teks yang dihasilkan pada abad ke-20 merupakan teks-teks yang paling sesuai digunakan bagi mengkaji aspek pensejarahan kerana terdapatnya sumber primer sezaman yang banyak, terutama sekali sumber rasmi pihak pentadbiran British.

Sehubungan dengan itu, kajian teks yang dipilih di sini ialah sebuah hasil karya sejarah Johor berjudul *Hikayat Johor* dan *Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* yang ditulis oleh Dato' Mejar Mohammed Said bin Haji Sulaiman. Seterusnya, teks ini akan hanya disebut sebagai *Hikayat Johor*.¹ Namun begitu, kajian teks ini akan bertumpu kepada aspek intertekstualiti kerana perbandingan akan dilakukan dengan dua buah karya sezaman dengannya, iaitu *Tawarikh Datuk Bentara Luar* yang ditulis oleh Dato' Mohamed Salleh bin Perang dan *Hikayat Pahang* yang tidak diketahui penulisnya. *Hikayat Johor* dipilih berdasarkan empat sebab. Pertama, kita boleh mengatakan bahawa *Hikayat Johor* merupakan karya sejarah pertama yang dihasilkan dengan tulisan cetak. Karya *Sejarah Melayu* sebelum itu dihasilkan dalam bentuk tulisan tangan dan tidak bercetak ataupun dengan cetakan cap batu.

Kedua, karya ini merupakan karya Melayu Jawi yang paling banyak diulang cetak sebelum zaman kemerdekaan, iaitu telah diulang cetak sebanyak 11 kali bermula dari tahun 1908 sehingga tahun 1955. Ketiga, karya ini pernah digunakan sebagai buku teks sejarah di sekolah-sekolah kerajaan Johor sebelum Perang Dunia Kedua (1941-1945). Justeru, hal ini juga merupakan sebab karya ini diulang cetak beberapa kali. Maka, kita boleh mengandaikan karya ini ialah karya sejarah yang paling banyak diulang cetak, ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi.

Keempat, karya ini juga merupakan karya sejarah yang paling banyak digunakan oleh para sejarawan sebagai sumber rujukan, sama ada untuk tujuan petikan fakta sejarah atau ulasan tafsiran berkenaan aspek-aspek yang dibincangkan oleh pengarangnya. Sehingga ini, karya ini pernah dirujuk oleh para sejarawan tempatan dan Barat yang menulis tentang sejarah Johor moden seperti M.A. Fawzi Basri dan Hasrom Harun (1978), Carl A. Trocki (1979), J. M. Gullick (1992) dan A. C. Milner (1995). Dalam hal ini, versi yang digunakan oleh mereka sebagai sumber rujukan ialah versi tahun 1940.

Oleh hal yang demikian, kita boleh mengandaikan versi ini merupakan versi yang paling penting dalam kalangan sejarawan. Bersandarkan kepada kepentingannya dan nilai kesejarahannya, karya ini digunakan sebagai naskhah yang menjadi sumber kajian teks ini. Kajian teks ini bertujuan untuk meninjau kedudukannya dalam pensejarahan Johor moden. Hal ini demikian kerana tumpuan khusus yang diberikan oleh pengarangnya dalam karya ini ialah ketokohan Sultan Abu Bakar dan perkembangan sejarah Johor semasa pemerintahan baginda (1862-1895).

LATAR BELAKANG PENGARANG

Mejar Dato' Mohd. Said bin Haji Sulaiman telah dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada bulan Oktober 1876. Beliau tinggal di Singapura sejak kecil sehingga berumur 22 tahun. Hingga kini, kita hanya mempunyai maklumat yang sedikit tentang latar belakang beliau semasa kecil. Ketika berumur kira-kira lima tahun, iaitu pada tahun 1881, beliau mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu Teluk Belanga. Pada masa yang sama, beliau juga mengikuti kelas al-Quran di bawah tunjuk ajar seorang guru yang bernama Encik Mohd. Salleh yang bekerja di Pejabat Bendahari Negeri Johor. Semasa berada dalam tahun tiga, iaitu pada tahun 1883 di sekolah Melayu, beliau mula belajar bahasa Inggeris. Beliau kemudiannya telah meneruskan pendidikan formal Inggeris selama empat tahun, iaitu pada tahun 1884 hingga tahun 1887, sehingga darjah empat di Sekolah Inggeris Raffles (Raffles School).²

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa Mejar Dato' Mohd. Said menerima pendidikan ilmu keagamaan dengan ilmu duniawi serta pendidikan Melayu dan Inggeris pada peringkat permulaan. Namun, tidak banyak maklumat yang jelas diperolehi tentang pendidikan menengah beliau. Apa yang jelas ialah beliau mula bekerja setelah tiga bulan menamatkan persekolahan pada tahun 1894. Ketika itu, beliau mula bekerja sebagai kerani di sebuah badan swasta, iaitu *British and Foreign Bible Society* bertempat di Singapura dari tahun 1894 hingga tahun 1898. Tugas beliau ialah menulis rencana dan menyimpan buku-buku yang dicetak dalam bahasa Inggeris.

Sebenarnya, pengalaman beliau bekerja di syarikat penerbitan dan percetakan buku ini merupakan satu peluang yang baik kerana mendedahkannya dengan bidang kerja 'apprentice' yang memberikan latihan dalam bidang penulisan dan penerbitan. Pada abad ke-18 dan abad ke-19, bidang 'apprentice' merupakan satu kerjaya yang dinamik, sebagaimana yang terdapat di Eropah Barat dan Amerika Utara.³ Oleh itu, pendedahan sedemikian juga memberikan kesan yang mendalam kepada beliau dalam bidang penulisan. Hal ini dapat dibuktikan dengan banyaknya hasil karya penulisan yang dihasilkan oleh beliau.

Kemudian, beliau telah meneruskan kehidupannya di negeri Johor apabila bertukar pekerjaan dan mula berkhidmat dengan Kerajaan Johor pada tahun 1898. Pada masa ini, beliau mula bertugas sebagai juruwang di Pejabat Perbendaharaan. Selain itu, beliau juga telah ditugaskan menjadi pembantu dan penyelidik kepada pegawai-pegawai lain di pejabat yang sama. Pada tahun 1902, beliau telah dilantik untuk memegang jawatan Penolong Ketua Pejabat Pos dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pejabat Besar Pos sehingga tahun 1910.

Pada tahun tersebut juga, beliau telah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim (1895-1959) sebagai setiausaha sulit baginda selama lebih daripada 40 tahun, iaitu dari tahun 1910 hingga tahun 1952. Pelantikan ini adalah berdasarkan kepada kepercayaan Sultan Ibrahim kepada beliau yang mahir dalam bidang persuratan dan kerja-kerja pejabat. Semasa berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada Sultan Johor, iaitu pada tahun 1914 beliau juga mula bertugas sebagai 'Staff Officer' dalam Pasukan Askar Timbalan Setia Johor (*Johor Military Forces*). Beliau telah bergerak aktif dalam Angkatan Tentera Johor dengan pengiktirafan pangkat sebagai Kapten, Leftenan dan akhir sekali Major.⁴

Sebagai penjawat kepada kedua-dua jawatan tersebut, beliau juga telah dititahkan oleh baginda Sultan Ibrahim untuk menjalankan tugas di luar negeri. Justeru, antara bulan Disember tahun 1937 sehingga April tahun 1938, beliau telah belayar ke Eropah untuk melawat sambil belajar. Dalam lawatan tersebut, beliau telah pergi ke United Kingdom, Budapest, Vienna, Belgium, Perancis, Switzerland, Jerman dan Itali.⁵ Sebenarnya, Sultan Ibrahim telah melawat Eropah pada masa itu.⁶ Oleh itu, penulis mengandaikan beliau juga telah berperanan sebagai pengiring kepada Sultan Ibrahim dalam siri keluar negeri terutama sekali pada tahun 1930-an.

Di samping itu, beliau juga telah melibatkan diri dalam kegiatan memajukan dan memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu. Beliau dikenali dalam dua aspek, iaitu peranan beliau sebagai penunjang Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa⁷ dan ketokohan beliau dalam bidang persuratan Melayu. Sumbangan beliau ini telah membawa kepada pengiktirafannya sebagai Pendeta Bahasa Johor. Sebagai mengenang jasanya lagi, beliau telah dianugerahkan dengan beberapa bintang kebesaran. Antaranya ialah Datuk Paduka Seri Setia Raja, Seri Mahkota Johor dan Seri Paduka Mahkota Johor serta 'Kerabat Diraja' (D.K) yang merupakan penghormatan tertinggi untuk beliau oleh Sultan Ibrahim.⁸

Walaupun telah bersara sebagai Setiausaha Sulit kepada Sultan Ibrahim pada tahun 1952, beliau telah dilantik semula ke jawatan tersebut dan terus berkhidmat sehingga meninggal dunia. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 27 Ogos 1955 pada usia 79 tahun. Kediaman beliau yang terakhir ialah di No. 10, Jalan Dato' Dalam, Johor Bahru, Johor.⁹

Namun begitu, sumbangan beliau akan terus dihargai terutama sekali dalam bidang penulisan. Walaupun beliau mendapat pengiktirafan yang tinggi bagi sumbangannya dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu, sumbangan beliau dalam penulisan sejarah Johor dianggap lebih banyak signifikan kepada penulisan sejarah Johor moden sehingga hari ini. Hal ini demikian kerana karya sejarah, terutama sekali *Hikayat Johor* ini dianggap sebagai karya yang masih relevan sehingga hari ini kerana masih dirujuk oleh sejarawan sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Karya penulisan beliau ini bersama-sama karya-karya sejarah yang lain telah meletakkan beliau sebagai seorang sejarawan Johor yang paling awal.

ISI KANDUNGAN *HIKAYAT JOHOR*

Secara keseluruhannya, *Hikayat Johor* mempunyai 26 fasal dan isinya boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan enam fasal yang mengandungi maklumat-maklumat tentang sejarah Johor secara umum sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis sehingga zaman Temenggung Daing Ibrahim. Bahagian ini hanya dijadikan sebagai mukadimah oleh pengarang dan bukanlah menjadi tumpuan utama beliau. Bahagian kedua terkandung dalam 20 fasal yang menceritakan sejarah Sultan Abu Bakar yang bermula dengan tarikh kelahiran baginda, peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman pemerintahan baginda sehinggalah kemangkatan baginda di London serta pengurusan, penghantaran pulang dan upacara pemakaman jenazah baginda di Johor Bahru.

Antara aspek utama yang menjadi tumpuan pengarang *Hikayat Johor* berkenaan Sultan Abu Bakar ialah pembukaan Bandar Johor Bahru, penubuhan, perkembangan dan pembangunan kerajaan dan pentadbiran Johor di Johor Bahru, hubungan beliau dengan Sultan Ali, hubungan baik dengan pihak British di Singapura dan Istana Inggeris terutama sekali Queen Victoria dan Prince of Wales, pertabalan dan kemahkotaan baginda, penganugerahan darjah kehormatan kepada para kerabat dan pembesar negeri, jawatan baginda ke luar negeri dan peristiwa selepas kemangkatan baginda yang berkisar kepada pengurusan penghantaran jenazah baginda dari London ke Johor Bahru serta upacara pengurusan dan pemakaman jenazah baginda.

Jika ditinjau dari segi bilangan muka surat hikayat ini, aspek yang berkaitan kemangkatan dan pemakaman jenazah bagindalah yang menjadi bahagian terpanjang dari segi tumpuan kepada sesuatu peristiwa. Pengarang telah memperuntukkan lima fasal terakhir, iaitu fasal 22 hingga fasal 26 untuk tujuan menceritakan peristiwa ini. Jumlah halaman yang diperuntukkan untuk peristiwa ini adalah sebanyak 17 halaman terakhir daripada jumlah keseluruhannya 82 halaman.¹⁰ Hal ini demikian kerana aspek dan peristiwa tersebut amat penting dari segi kebudayaan dan legitimasi kesultanan Johor moden. Mengikut adat istiadat raja-raja Melayu, pada masa inilah, iaitu sebelum jenazah sultan yang mangkat dikebumikan, pengganti baginda mestilah diisytiharkan sebelum majlis pengkebumian dilangsungkan.¹¹

KAJIAN INTERTEKSTUALITI

Kajian intertekstualiti terhadap *Hikayat Johor* boleh dilakukan secara perbandingan atas karya-karya sezaman yang juga mencakupi aspek dan tempoh yang sama. Dalam konteks ini, aspek kajian intertekstualiti menonjolkan perbandingan antara *Hikayat Johor* dengan karya-karya sezaman seperti *Hikayat Pahang*, *Kisah Pelayaran ke Riau*, *Hikayat Johor Serta Pahang*, *Syair Sultan Abu Bakar*, *Kisah Pelayaran Mohamed Ibrahim Munsi*, *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dan *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Antara karya sezaman ini, hanya *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar* di negeri Johor merupakan karya salinan asal yang ditulis dalam tulisan rumi Indonesia dan dicetak pada tahun 1896. Hal ini disebabkan penulisnya ialah seorang Cina. Karya-karya yang lain masih lagi ditulis dalam tulisan jawi Melayu.¹²

Tujuan kajian tekstual adalah untuk mengesan variasi atau perbezaan kandungan tentang sesuatu peristiwa yang sama yang terdapat dalam karya lain. Aspek-aspek yang menjadi tumpuan adalah dari segi persamaan dan kelainan tentang sesuatu peristiwa itu dari segi fakta, sudut pandangan atau ‘centricity’, panjang pendeknya dan kesahihannya. Dalam konteks ini, karya yang paling praktikal untuk dijadikan perbandingan tekstual dengan *Hikayat Johor* ialah *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dan *Hikayat Pahang*. Hal ini demikian kerana kedua-dua karya tersebut paling banyak mempunyai peristiwa yang eksklusif sedangkan jumlah peristiwa yang boleh diperoleh daripada karya-karya lain tidaklah begitu banyak dan penting.

HIKAYAT JOHOR DAN TAWARIKH DATUK BENTARA LUAR

Dari segi teks, perbandingan antara *Hikayat Johor* dan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* boleh dilakukan dengan merujuk kepada tiga aspek. Pertama, dari segi fakta, kewibawaan *Hikayat Johor* terbukti apabila para sejarawan lebih cenderung menerima tarikh kelahiran Abu Bakar pada 3 Februari 1833 sebagaimana yang tercatat dalam *Hikayat Johor*. Sebenarnya, terdapat percanggahan dalam perkara ini apabila diperhatikan bahawa Mohammed Salleh bin Perang mencatatkan Enche’ Wan Abu Bakar telah mencapai umur 20 tahun pada tahun 1856.¹³ Hal ini memberikan saranan bahawa Enche’ Wan Abu Bakar mungkin lahir pada tahun 1836. Kesahihan fakta ini sukar dibuktikan kerana tiadanya sumber-sumber dokumen yang menerangkan perkara ini.

Dalam keadaan sedemikian, penulis lebih cenderung menerima maklumat yang tercatat dalam *Hikayat Johor* kerana pengarangnya ialah setiausaha sulit kepada Sultan Ibrahim. Penulis mengandaikan beliau telah merujuk sumber-sumber istana yang mungkin tidak diketahui. Asas penerimaan penulis juga berdasarkan kedudukan *Hikayat Johor* sebagai sumber istana dan sumber rasmi Kerajaan Johor. Maka, tidak hairanlah para sejarawan terutama Winstedt mencatatkan butiran yang serupa dengan *Hikayat Johor* tetapi secara tidak langsung. Menurut Winstedt, Temenggung Ibrahim mengalami demam panas pada 31 Januari 1862 dan meninggal dunia dua hari kemudiannya. Oleh itu, di ambang hari lahirnya yang ke-29, Abu Bakar telah dilantik menjadi Temenggung Johor menggantikan ayahnya.¹⁴

Percanggahan kedua antara kedua-dua karya ini boleh dikesan pada tarikh majlis penganugerahan darjah kehormatan kepada pembesar-pembesar Johor oleh Sultan Abu Bakar. Menurut *Tawarikh Datuk Bentara Luar*, majlis itu diadakan pada bulan Mac tahun 1886. *Hikayat Johor* pula mencatatkan bahawa majlis ini hanya diadakan pada bulan Julai tahun 1886 sebaik-baik sahaja majlis kemahkotaan baginda dijalankan.¹⁵ Dalam hal ini, *Hikayat Johor* boleh dipertanggungjawabkan kebenarannya kerana pada masa itu iaitu pada bulan Mac, Sultan Abu Bakar masih berada di Eropah. Tambahan pula, kesilapan tarikh yang terdapat pada *Tawarikh Datuk Bentara Luar* lebih banyak jika dibandingkan dengan *Hikayat Johor*.

Kedua, perbezaan kedua-dua karya ini boleh dikesan daripada panjang pendeknya penceritaan sesuatu peristiwa. *Hikayat Johor* tidak selalunya menjadi rujukan asas kerana pembentangan sesuatu cerita ataupun peristiwa di dalamnya adalah secara sepintas lalu sahaja dan tidak terperinci. Kita boleh merujuk kepada peristiwa pembukaan Bandar Tanjong Puteri yang kemudiannya ditukar nama kepada Johor Bahru.¹⁶ Para sejarawan terutama sekali Carl A. Trocki lebih cenderung merujuk *Tawarikh Datuk Bentara Luar* kerana butiran yang diberikan lebih panjang dan lebih kompleks berbanding *Hikayat Johor*.¹⁷

Hal yang sama juga boleh diperhatikan dalam peristiwa lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur pada tahun 1883. Peristiwa ini diceritakan oleh Mohammed Salleh bin Perang secara terperinci, lengkap dengan tarikh, waktu dan tempat sesuatu peristiwa itu.¹⁸ Hal ini disebabkan beliau sendiri mengiringi Maharaja Abu Bakar dalam lawatan tersebut.

Sehubungan dengan itu, seseorang yang ingin menulis tentang lawatan Maharaja Abu Bakar ke Asia Timur akan merujuk *Tawarikh Datuk Bentara Luar*, bukannya *Hikayat Johor*. Hal ini dapat dikesan daripada penulisan Abdullah bin Muhammad yang juga merupakan mantan setiausaha Kerajaan Johor. Beliau telah menulis tentang lawatan Maharaja Abu Bakar ke Hong Kong, China dan Jepun pada tahun 1883 berdasarkan rujukan eksklusif kepada *Tawarikh Datuk Bentara Luar*.¹⁹

Ketiga, bukan semua peristiwa yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dicatatkan dalam *Hikayat Johor*. Apatah lagi, jika sesuatu peristiwa itu tidak penting dan tidak berkaitan langsung dengan baginda. Perkara ini boleh dikesan apabila penulis meneliti *Tawarikh Datuk Bentara Luar*. Sebagai contoh, peristiwa pembukaan Bandar Batu Pahat tidak disebut langsung kerana peristiwa ini lebih berkait rapat dengan inisiatif persendirian salah seorang pembesarnya, Datuk Bentara Luar, Mohammed Salleh bin Perang.²⁰ Sesungguhnya, fakta inilah yang merupakan salah satu sebab para sejarawan cuba mempersoalkan kewajaran secara mutlak Sultan Abu Bakar diberi gelaran Bapa Johor Moden'.²¹

Keempat, tujuan pengarang untuk mempertahankan kedudukan dan menjaga integriti keluarga kesultanan yang sekarang ini sememangnya merupakan satu faktor propaganda utama dalam *Hikayat Johor*. Beliau semestinya akan menceritakan apa-apa sahaja yang baik tentang Sultan Abu Bakar dan ayahanda baginda, Temenggung Daeng Ibrahim terutama sekali dalam isu konflik politik mereka dengan Sultan Ali dan keluarganya. *Hikayat Johor* selalunya menggambarkan Temenggung Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar bersifat pemurah dan baik hati terhadap Sultan Ali lebih-lebih lagi dalam hal bantuan kewangan. *Hikayat Johor* menggambarkan peristiwa Perjanjian Johor tahun 1855 yang memberikan hak kedaulatan Johor kepada keluarga Temenggung Ibrahim adalah daripada kerelaan hati waris Sultan Hussein sendiri tanpa sebarang konflik sebelumnya.²²

Sebaliknya, kita mengetahui bahawa perkara itu telah melalui satu proses konflik politik yang panjang dan Temenggung Ibrahim sendiri sememangnya bercita-cita untuk berkuasa secara mutlak di Johor. Beliau telah berusaha untuk membangunkan Johor terutama sekali dalam perusahaan tanaman gambir dan lada hitam yang menjanjikan pulangan pendapatan yang lumayan kepada sesiapa sahaja yang menjadi pemerintah Johor. Menurut

catatan Datuk Mohammed Salleh bin Perang, apabila perjanjian tahun 1855 itu hendak ditandatangani, timbullah perbalahan antara Temenggung Daeng Ibrahim dengan Sultan Ali kerana Temenggung tidak berpuas hati apabila hasil Johor perlu dibahagikan juga kepada Sultan Ali.²³

Dalam hal ini, Winstedt memperakui *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dengan mengatakan bahawa:

“On one occasion, he abruptly left Blundell’s presence requesting the Governor to convey his wishes through his 18 year old son, Abu Bakar, who showed his mettle by telling the Governor that if he insisted on the Temenggong acknowledging Tengku Ali as Sultan and giving him a share of Johor revenue they could not help themselves but of their own free will, they would not consent, and the youth added pointing to the police sentry, ‘if Your Honour insisted on making that policeman Sultan we should have to submit.’”²⁴

Kelima, corak penulisan *Hikayat Johor* adalah berbentuk tawarikh atau ‘*chronicle*.’ Paksi penulisananya ialah kisah-kisah yang berkaitan Sultan Abu Bakar dan istana. Oleh itu, *Hikayat Johor* merupakan karya yang menceritakan urusan raja dan kerajaan yang rasmi sahaja pada peringkat atasan. Sebaliknya, *Tawarikh Datuk Bentara Luar* pula adalah berbentuk autobiografi kerana penulisnya lebih menonjolkan dirinya sebagai watak utama. Hal ini menjadikan penulisannya berdasarkan tinjauan peribadi atau ‘*personal observation*.’ Setidak-tidaknya penulisan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* lebih banyak memberi gambaran di luar lingkungan istana dan perjalanan harian pengurusan kerajaan dan kegiatan pembesarnya. Hal ini seolah-olah cuba merintis kepada penulisan perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat yang jauh dari istana.

Kewujudan hal sedemikian bukanlah bermakna pengarang *Tawarikh Datuk Bentara Luar* tidak menghormati Sultan Abu Bakar sebagai penaung beliau. Hal ini hanya merupakan perbezaan dari sudut dimensi pengarang yang lebih menumpukan perhatian kepada catatan peristiwa peribadinya dan tugas-tugas rasminya di luar istana pada masa itu. Hal ini terbukti dengan ekspresi beliau yang sentiasa mengaitkan dirinya dan ingatannya kepada Sultan Abu Bakar ketika beliau menjalankan tugasnya jauh dari istana dan ketika Sultan Abu Bakar melawat ke luar negeri. Ekspresi ini boleh dilihat daripada petikan “Sepeninggalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke London fakir tidak berhenti ukur mengukur.”²⁵

Sesungguhnya, hal ini juga memberi perspektif yang agak berlainan kepada sesiapa sahaja yang membaca karya-karya lain yang berkaitan dengan sejarah Johor sendiri. Hal ini merupakan bukti yang merintis buah fikiran dan jalan penulis-penulis Melayu kepada penulisan yang moden dan berbeza dengan karya-karya bercorak tawarikh ‘*chronicle*’ dari sudut sejarah.

Hikayat Johor dan Hikayat Pahang

Dalam konteks teks ini, *Hikayat Johor* bolehlah dibandingkan secara eksklusif dengan *Hikayat Pahang*. Hal ini demikian kerana kedua-dua karya ini ditulis dengan satu tujuan yang sama, iaitu untuk tujuan propaganda bagi pihak istana Pahang dan istana Johor. Kedua-duanya sering menonjolkan unsur-unsur pertentangan dari segi penceritaan kepada sesuatu peristiwa yang sama. Aspek pertentangan ini boleh dilihat dalam peristiwa-peristiwa yang melibatkan hubungan dua hala antara Johor dan Pahang.

Peristiwa pertama dalam konteks ini boleh dilihat pada isu penglibatan tentera Johor dalam Perang Pahang (1857 hingga 1863). *Hikayat Pahang* menceritakan secara eksklusif tentang penglibatan tentera Johor membantu Bendahara Tun Mutahir melawan Wan Ahmad. Pengarang *Hikayat Pahang* mendakwa bahawa pada akhir peperangan itu, banyak orang Pahang yang pada mulanya menyokong Wan Mutahir dan anaknya, Tun Koris, telah menyebelahi Wan Ahmad. Hal ini disebabkan orang-orang Pahang tidak berpuas hati dengan penglibatan askar-askar Johor yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Bugis dalam peperangan itu.²⁶

Sebaliknya, pengarang *Hikayat Johor* tidak memberikan tumpuan yang eksklusif tentang perkembangan peperangan itu. Yang anehnya ialah pengarang *Hikayat Johor* sebelum itu telah memberi gambaran Temenggung Daeng Ibrahim dan Abu Bakar cenderung menyokong Wan Mutahir disebabkan adanya hubungan kekeluargaan antara Daeng Ibrahim dengan Wan Mutahir sebagai saudara ipar kerana kedua-duanya memperisterikan puteri-puteri Sultan Abdul Rahman di Riau (1812 hingga 1841). Maka, kedua-dua pihak iaitu Johor dan Pahang telah membuat perjanjian persahabatan untuk mengiktiraf kedaulatan pemerintahan mereka dan membantu sesama mereka melawan musuh yang menyerang Johor atau Pahang. Pengarang *Hikayat Johor* juga secara terang-terangan menafikan penglibatan tentera Johor secara mutlak dalam peperangan itu kecuali pada

peringkat akhirnya. Namun begitu, *Hikayat Johor* mendakwa tentera Johor tidak sempat membantu Wan Mutahir kerana beliau telah kalah dan tidak ada faedahnya membantu beliau.²⁷

Dalam hal ini, para sejarawan lebih cenderung mempercayai bahawa tentera Johor sememangnya terlibat secara langsung walaupun dinafikan oleh pengarang *Hikayat Johor*. Winstedt mencatatkan penglibatan tentera Johor dalam Perang Pahang secara langsung dengan mengutuskan askar-askarnya berserta bantuan alat senjata dan kewangan kepada sekutunya, Bendahara Tun Mutahir dan Tun Koris. Beliau juga menyebut bahawa Temenggung Abu Bakar telah menawarkan ganjaran sebanyak 500.00 Ringgit²⁸ kepada sesiapa yang berjaya mendapatkan kepala Wan Ahmad dan 10.00 ringgit bagi kepala setiap pengikutnya.²⁹ Fakta-fakta yang dikemukakan oleh beliau juga hampir menyerupai fakta-fakta yang terdapat dalam *Hikayat Pahang*. Perkara ini telah diterima secara meluas oleh para sejarawan lain seperti W. Lineham dan Aruna Gopinath yang secara ekstensif merujuk kepada *Hikayat Pahang*.³⁰

Hal ini menunjukkan penafian yang dibuat oleh pengarang *Hikayat Johor* sebagai tidak berasas kerana peristiwa Perang Pahang ini tidak diulas dengan terperinci sebagaimana yang dilaporkan dalam *Hikayat Pahang*. Tambahan pula, pihak Johor dengan jelas sekali menunjukkan sokongan mereka kepada Wan Mutahir dan Wan Koris secara berterusan dalam peperangan tersebut. Sokongan Johor kepada Wan Mutahir juga dikatakan telah mendapat restu daripada pihak British.³¹ Pihak Johor juga dengan jelas enggan memperakui kedudukan Bendahara Wan Ahmad di Pahang setelah kematian Wan Mutahir dan Wan Koris semasa dalam perjalanan ke Johor setelah Perang Pahang tamat pada tahun 1863. Malah, Temenggung Abu Bakar mengesyorkan pihak British supaya mengiktiraf salah seorang daripada anak Wan Mutahir menjadi Bendahara Pahang, bukannya Wan Ahmad.³²

Justeru, pengarang *Hikayat Pahang* bukan sahaja menceritakan bahawa Johor masih berniat untuk menjatuhkan Wan Ahmad dengan melantik salah seorang daripada anak Wan Mutahir atau Wan Koris bagi menggantikan mereka berdua yang telah meninggal dunia. Yang menariknya ialah pengarang *Hikayat Pahang* mendakwa Temenggung Abu Bakar telah membeli sebuah kapal api yang sangat kuat dan laju yang dibuat di Eropah. Kapal ini hendak digunakan bagi tujuan menyerang Wan Ahmad di Pahang. Oleh sebab niat jahat itu, pada suatu hari ketika Temenggung Abu Bakar hendak melawat kapal api tersebut, enjinnya telah meletup dan kapal itu

telah terbakar dan pecah keseluruhannya. Pengarang *Hikayat Pahang* mentafsirkan tragedi itu adalah tulah pada Temenggung Abu Bakar kerana kebesaran daulat Wan Ahmad sebagai Raja Pahang. Apabila Temenggung Abu Bakar sampai ke tempat tragedi itu, baginda berasa sedih menyaksikan ramai orang yang telah terbunuh dan cedera akibat letupan kapal itu. Oleh itu, baginda pun dinasihatkan oleh para pembesarnya supaya menghentikan permusuhan dengan Wan Ahmad dan tidak meneruskan niatnya untuk menyerang Wan Ahmad di Pahang. Pengarang *Hikayat Pahang* juga mendakwa Abu Bakar terselamat daripada tragedi itu kerana lewat sedikit tiba di tempat kejadian. Hal ini disebabkan oleh tuah isterinya Che Engku Chik anak saudara Wan Ahmad, yang memujuk Temenggung Abu Bakar supaya tidak pergi ke kapal tersebut pada hari itu. Oleh itu, bertambah-tambahlah kasih Temenggung Abu Bakar kepada isterinya itu serta mengikut nasihat para pembesar Johor untuk berdamai dengan Wan Ahmad.³³

Hikayat Johor turut mengisahkan peristiwa ini tetapi secara ringkas sahaja. Pengarangnya menggambarkan peristiwa itu sebagai satu tragedi tanpa adanya unsur-unsur luar biasa.³⁴ Sebenarnya, kapal api itu meletup disebabkan perjalanan yang terlalu jauh dari Eropah melalui Amerika.³⁵ Tragedi ini berlaku pada tahun 1865 dan tidak ada kaitannya sama sekali dengan niat jahat terhadap Wan Ahmad. Pada tahun itu, isu Perang Pahang telah menjadi tidak begitu relevan lagi kerana Temenggung Abu Bakar sedang mencari jalan penyelesaian dengan Wan Ahmad melalui pihak British. Hal ini membawa kepada perjanjian sempadan antara Johor dan Pahang pada tahun 1868. *Hikayat Pahang* juga mengisahkan perselisihan sempadan negeri antara Johor dan Pahang secara lebih panjang. Sebaliknya, *Hikayat Johor* hanya menyebutnya secara sepintas lalu dan kedua-dua karya ini tidak menunjukkan percanggahan yang penting.³⁶

Satu lagi peristiwa yang menunjukkan perbezaan 'centricity' ialah pelantikan residen British di Pahang pada tahun 1888. Episod ini sebenarnya bermula dengan isu pelantikan agen British pada tahun 1887. *Hikayat Johor* menyatakan Sultan Pahang meminta pandangan dan bantuan Sultan Abu Bakar dalam hal tersebut.³⁷ *Hikayat Pahang* juga memperakukan perkara yang sama dan matlamat Sultan Pahang adalah untuk mendapatkan syarat yang sama seperti perjanjian yang ditandatangani antara Johor dan British pada tahun 1885. *Hikayat Pahang* mencatatkan matlamat utama Sultan Pahang ialah mendapatkan peruntukan yang sama dengan syarat ketujuh dalam perjanjian Johor itu.³⁸ Syarat ketujuh perjanjian Johor mengatakan bahawa Kerajaan British dengan perkenan Queen mengiktiraf Maharaja

Johor sebagai Sultan bagi negeri dan jajahan takluk Johor dan boleh diwarisi oleh keturunan dan waris gantinya mengikut adat istiadat Melayu.³⁹

Namun begitu, setelah perkara ini berlaku, terjadi satu peristiwa pembunuhan seorang Cina warga British di Pahang dan Sultan Pahang dipertanggungjawabkan atas perkara itu. Peristiwa ini membawa kepada desakan pihak British untuk melantik seorang residen British di Pahang. Pengarang *Hikayat Johor* mencatatkan apabila pihak British ingin melantik residen di Pahang, Gabenor Cecil Smith telah meminta pandangan dan pertolongan Sultan Abu Bakar tentang hal tersebut. Sultan Abu Bakar bersetuju menjadi orang tengah bagi kedua-dua pihak. Namun begitu, akhirnya Sultan Pahang telah membuat keputusan sendiri untuk menerima seorang residen tanpa pengetahuan Sultan Abu Bakar. Hal ini membuatkan Sultan Abu Bakar terkejut. Pengarang *Hikayat Johor* menyangkal kata-kata orang Pahang yang menyalahkan Sultan Abu Bakar dalam perkara itu. Sebab itulah, baginda kemudiannya mengambil keputusan untuk mengahwinkan puteri baginda, Tengku Maryam dengan anak Sultan Pahang, Tengku Mahmud.⁴⁰

Sebaliknya, pengarang *Hikayat Pahang* menceritakan tujuan Sultan Pahang meminta pandangan dan pertolongan Sultan Johor adalah kerana Sultan Pahang ingin menandatangani satu perjanjian setia dengan Kerajaan British supaya memperoleh syarat-syarat yang sama, seperti perjanjian yang ditandatangani oleh Johor pada tahun 1885. *Hikayat Pahang* menceritakan Sultan Johor bersama-sama Datuk Menterinya, Jaafar bin Haji Mohammed dan Datu' Seri Amar di-Raja Abdul Rahman bin Andak telah pergi ke Pahang untuk meyakinkan bahawa penerimaan pelantikan residen British di Pahang akan memberi kebaikan kepada negeri. Sultan Johor mengatakan baginda bersifat jujur untuk memberi pendapat sedemikian. Sultan Pahang kemudiannya meminta pendapat mereka dan dipersetujui oleh mereka berdasarkan nasihat Sultan Johor itu. Akhirnya, Sultan Pahang bersetuju menerima residen British dengan pengetahuan Sultan Johor yang masih berada di Pahang dan Sultan Johor sendiri mengikut rombongan Pahang untuk menghantar surat persetujuan kepada gabenor di Singapura.⁴¹

Penceritaan yang terdapat dalam *Hikayat Pahang* telah diterima oleh para sejarawan kerana Sultan Abu Bakar ingin menggunakan isu residen di Pahang ini sebagai perisai kepada tekanan British untuk melantik pegawai

konsular di Johor, sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian British-Johor pada tahun 1885.⁴² Kenyataan ini ditambah lagi dengan bukti bahawa pihak British menghargai peranan dan kerjasama yang diberikan oleh Sultan Abu Bakar kepada mereka dalam usaha mereka menghantar seorang residen British ke Pahang, sebagaimana yang terkandung dalam surat daripada Gabenor Cecil Smith kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan di London, Lord Knutsford pada tahun 1888.⁴³

Persoalan yang timbul di sini ialah mengapakah Sultan Pahang mempercayai Sultan Johor? Motif yang tersembunyi hanya dapat dikesan sekiranya kita meninjau satu peristiwa terdahulu daripada peristiwa pelantikan residen ini. Pada awal tahun 1880-an, kedua-dua pihak iaitu Maharaja Abu Bakar dan Bendahara Wan Ahmad telah mula menjalin persahabatan yang akrab. Pada ketika itu, kedua-dua pemerintah ini sedang berusaha untuk mengukuhkan kedudukan mereka di negeri masing-masing. Tidak ada lagi persoalan permusuhan antara kedua-duanya. Pengarang *Hikayat Johor* seolah-olah berpendirian bahawa hubungan baik antara Johor dan Pahang telah lama wujud semenjak tahun 1868 lagi, setelah perjanjian sempadan antara kedua-dua negeri dimuktamadkan. Namun, *Hikayat Johor* tidak memberikan maklumat yang berlaku pada awal tahun 1880-an dan *Hikayat Pahang* pula adalah sebaliknya.

Hikayat Pahang memberi gambaran persahabatan kedua-dua pemerintah ini hanya bermula pada tahun 1880. Hikayat ini mencatatkan Maharaja Abu Bakar telah mengutus surat kepada Bendahara Wan Ahmad untuk menyatakan keikhlasan Maharaja untuk berdamai dan meminta Bendahara melupakan perkara yang lepas. Maharaja kemudiannya telah menghantar utusan ke Pahang untuk menyatakan hasrat itu dan menjemput Bendahara ke Johor. Apabila Bendahara sampai di Johor, Maharaja telah memberikan sambutan yang meriah dan mewah. Ketika itulah Maharaja Abu Bakar mencadangkan Wan Ahmad untuk menggunakan gelaran sultan. Pengarang *Hikayat Pahang* mencatatkan seperti yang berikut:

Syahadan Yang (Mulia) Sultan Johor, ada kepada satu hari (masa) dia berdatang bermaklumkan (kesukaannya) tulus ikhlasnya kepada raja Pahang katanya, "Saya (harap) ayah, diharapkan ayah mengambil nama Yang Mulia Sultan. Apa sebab? Ialah, kita sekarang menurut masa, zaman sudah-sudah ditinggalkan. Sebenarnya kita dahulu ke Daik, tetapi cubalah (ayah) lihat kerajaannya sudah diambil oleh Belanda."

Maka jawab raja Pahang, “Ingatan Yamtuan itu ayah menerima kasih. Di dalam hal itu, sudahlah juga sekalian orang besar-besar ayah maklumkan. Tetapi ayah tahan lagi kerana belum dibulatkan lagi (kerapatan). Maka ini dipersetujukan oleh Yamtuan, baiklah.”

Maka kata Sultan Johor, “Di dalam perkara ini, saya harap ayah turutkan persembahan orang besar-besar ayah yang di Pahang itu.”⁴⁴

Peristiwa lawatan Bendahara Pahang ke Johor pada tahun 1880 tidak tercatat dalam *Hikayat Johor*. Sebaliknya, peristiwa lawatan Bendahara Pahang ke Johor telah dilaporkan oleh Gabenor Fredrick Weld kepada Lord Kimberley. Gabenor menyatakan Maharaja Abu Bakar telah mengadakan upacara secara besar-besaran untuk tujuan tersebut.⁴⁵ Yang menjadi tanda tanya kepada kita ialah *Hikayat Pahang* menyebut Abu Bakar sebagai Sultan Johor sebanyak dua kali sebelum menceritakan kisah pertabalan Wan Ahmad sebagai Sultan Pahang. Gelaran yang biasa digunakan pada masa ini ialah Raja Pahang dan Raja Johor, bukannya ‘sultan.’ Wan Ahmad hanya dipanggil sultan setelah majlis pertabalan Sultan Pahang dan setelah itu, Abu Bakar kembali disebut sebagai Raja Johor sehinggalah baginda bergelar Sultan Johor kemudiannya.

Pada masa itu, gelaran ‘Raja’ dianggap sebagai gelaran yang lebih rendah daripada sultan kerana mengikut tradisi kerajaan Johor, raja-rajanya memakai gelaran sultan sebagai gelaran yang berdaulat. Di sini, perbuatan pengarang *Hikayat Pahang* memanggil ‘Sultan’ Johor sebelum masanya mungkin merupakan satu kesilapan yang tidak disengajakan. Namun, kemungkinan yang lebih kuat ialah perbuatan ini secara simboliknya menunjukkan tanda persetujuan Wan Ahmad mengiktiraf Abu Bakar sebagai sultan apabila sampai masanya. Sememangnya telah dibuktikan pihak British bersedia memberi pengiktirafan tersebut sekiranya ada raja Melayu yang bersetuju berbuat demikian. Raja Melayu yang disifatkan sangat penting oleh pihak British dalam hal ini ialah Wan Ahmad dari Pahang.⁴⁶

Penulis juga mendapati bahawa dalam *Hikayat Pahang* dan *Hikayat Johor*, tidak terdapat unsur-unsur pertentangan yang jelas dari sudut pandangan dan permasalahan politik, sebagaimana yang digambarkan dalam penceritaan peristiwa-peristiwa yang melibatkan kedua-dua belah pihak, setelah peristiwa pelantikan Residen British ke Pahang pada tahun 1888. Hal ini disebabkan kedua-dua kesultanan ini telah menjalin hubungan kekeluargaan dan politik secara baik dan harmoni pada tahun-tahun 1890-an,

berpunca daripada perkahwinan antara Tengku Mahmud, Putera Mahkota Pahang yang kemudiannya menjadi Sultan Pahang (1914 hingga 1917) dan Tengku Maryam, puteri sulung Sultan Abu Bakar dari Johor.⁴⁷

KESIMPULAN

Secara dasarnya, *Hikayat Johor* boleh diklasifikasikan sebagai satu karya sastera sejarah kerana hikayat ini mengisahkan tentang sejarah Johor moden. Namun begitu, hikayat ini juga boleh dianggap sebagai sebuah biografi tradisional kerana sebahagian besar isi kandungannya menceritakan seorang tokoh, iaitu Sultan Abu Bakar. Tambahan pula, kajian intertekstualiti boleh dilakukan pada *Hikayat Johor* kerana terdapat beberapa karya sezaman yang menceritakan persamaan peristiwa-peristiwa sezaman. Di sini, kajian intertekstualiti yang dilakukan mempunyai hubung kait yang eksklusif dengan dua buah karya sezaman, iaitu *Tawarikh Datuk Bentara Luar* dan *Hikayat Pahang* sebagai satu karya sastera sejarah.

Dalam konteks intertekstualiti ini, hubung kait yang eksklusif boleh diperhatikan dalam bentuk perbandingan antara *Hikayat Johor* dengan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* kerana kedua-dua teks tersebut mengandungi fakta peristiwa tentang Johor moden ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar. Dalam beberapa hal dan aspek tertentu, penulis *Hikayat Johor* sebenarnya telah merujuk *Tawarikh Datuk Bentara Luar*, seperti tarikh peristiwa keberangkatan rombongan Maharaja Abu Bakar ke London pada tahun 1885. Namun begitu, terdapat pertentangan antara kedua-duanya apabila kita merujuk kepada aspek sudut pandangan tentang reaksi Temenggung Daeng Ibrahim, sebelum tarikh perjanjian dengan Sultan Ali pada tahun 1855. Begitu juga dari sudut 'centricity' penulis kerana *Hikayat Johor* lebih menonjolkan dimensi dalaman istana Johor sedangkan *Tawarikh Datuk Bentara Luar* pula lebih menonjolkan 'centricity' luaran istana disebabkan oleh suasana dan persekitaran tempat tinggal kedua-dua penulis tersebut yang berbeza. Dalam konteks ini, penulis *Hikayat Johor* adalah hampir dengan dengan istana Johor iaitu di Johor Bahru sedangkan, penulis *Tawarikh Datuk Bentara Luar* tinggal jauh dari istana iaitu di Muar dan Batu Pahat dan hanya sekali-sekala sahaja pergi ke Johor Bahru kerana urusan rasmi di situ.

Sementara itu, *Hikayat Johor* pula mempunyai ciri-ciri yang lebih hampir dengan *Hikayat Pahang* berdasarkan motif kedua-dua penulisnya yang mempertahankan kedudukan penaung masing-masing. *Hikayat Johor* lebih memihak kepada Kesultanan Johor dan *Hikayat Pahang* memihak kepada Kesultanan Pahang. Pertentangan motif ini boleh dilihat dalam sesuatu peristiwa yang merujuk pertentangan kedua-dua pihak, seperti peperangan di Pahang yang melibatkan penyertaan tentera Johor dan kemasukan agen dan residen British ke Pahang. Hal ini disebabkan kedua-dua penulis menjadikan karya-karya penulisan mereka sebagai alat propaganda untuk membela pihak penaung masing-masing. Untuk mencari kepastian kepada kebenaran sesuatu konflik ini, para sejarawan telah merujuk sumber ketiga terutama sekali daripada sumber rasmi British.

NOTA

¹Di sini, penulis ingin menzahirkan penghargaan kepada pihak Yayasan Warisan Johor yang telah menaja kajian ini.

²Keseluruhan maklumat berkenaan latar belakang pengarang dipetik daripada inventori surat persendirian Mohd. Said bin Haji Sulaiman, No. Siri: SP 7, (2008), Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor (*National Archives of Malaysia Johore Branch*).

³Lihat Hugh Brogan, *The Penguin History of the United States of America*, London: Penguin Book Ltd., 1990, hlm. 27, 94, 101, 110 dan David Reynolds, *America, Empire of Liberty: A New History*, Penguin Books Ltd, London, 2009, hlm. 60-1, 135.

⁴Lihat muka hadapan dalam Mejar Dato' Haji Mohammed Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor yang Kedua: Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor Dari Permulaan Hingga Kedatangan Jepun (1941)*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, (Johor Bahru, 1951).

⁵Maklumat-maklumat di atas telah diperakui oleh Jabatan di-Raja Johor, Istana Besar Johor, menerusi kenyataan bertulis bertarikh 22 Disember 2008, Istana Besar, Johor Bahru.

⁶Siri lawatan baginda ini terkandung dalam surat daripada Shenton Thomas kepada Parkinson, 1 April 1939, dalam CO 717/140, *National Archive at Kew* (NAK), United Kingdom.

⁷Pakatan Belajar Mengajar Pengetahun Bahasa telah diasaskan oleh Dato' Bentara Dalam Mohammed Ibrahim Munsyi di Johor Bahru pada tahun 1888.

⁸Lihat muka hadapan dalam Mejar Dato' Haji Mohammed Said bin Haji Sulaiman, *Hikayat Johor yang Kedua*.

⁹Kenyataan bertulis Jabatan di-Raja Johor bertarikh 22 Disember 2008, Istana Besar, Johor Bahru.

¹⁰*Hikayat Johor*, hlm. 66-82.

¹¹*Hikayat Johor*, hlm. 78 dan *Hikayat Johor Serta Pahang* dalam Ahmad Fawzi Mohamed Basri, (ed.) *Warisan Sejarah Johor*, Jabatan Muzium, Muzium Negara, (Kuala Lumpur, 1983), hlm. 60-1.

¹²Untuk perbincangan lanjut berkenaan intertekstualiti dalam tradisi naskhah Melayu lihat Umar Junus, *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., (Petaling Jaya, 1984), hlm. 31-41, 86-9.

¹³*Hikayat Johor*, hlm. 12 dan Amin Sweeney, (ed.), *Tawarikh Datuk Bentara Luar*, University of California Press, (Berkeley, 1980), hlm. 40, seterusnya hanya akan dirujuk sebagai *Tawarikh Datuk Bentara Luar*.

- ¹⁴R. O. Winstedt, *A History of Johor 1365-1941 A. D.*, edisi terkini dalam MBRAS reprint no. 6, (Kuala Lumpur, 1992) hlm. 111-2. Penulisan Winstedt telah diterbitkan pada kali pertama dalam *JMBRAS*, Vol., 13, pt. 3, (1932). Ia kemudiannya telah diterbitkan pada kali kedua oleh Art Printing Works, (Kuala Lumpur, 1979). Namun untuk tujuan konsistensi, cetakan tahun 1992 akan digunakan untuk tujuan rujukan.
- ¹⁵*Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 9 dan *Hikayat Johor*, hlm. 41.
- ¹⁶*Hikayat Johor*, hlm. 10-11 dan *Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 35-41.
- ¹⁷C. A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, Singapore University Press, (Singapore, 1979), hlm. 109-10.
- ¹⁸*Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 50-73.
- ¹⁹Abdullah bin Muhammad, 'The Travels of Abu Bakar, Maharajah of Johore to the Far East,' *Malaysia in History*, Vol. 14, (1971), hlm. 1-9.
- ²⁰*Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 12-3.
- ²¹M. A. Fawzi Basri dan Hasrom Harun, *Sejarah Johor Moden 1855-1940*, Jabatan Muzium, Muzium Negara, (Kuala Lumpur, 1978), Hlm. 97-101.
- ²²*Hikayat Johor*, hlm. 7-9. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/WibawaHikayatJohor/Article/index_html
- ²³*Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 35.
- ²⁴Winstedt, *A History of Johor*, hlm. 107.
- ²⁵*Tawarikh Datuk Bentara Luar*, hlm. 9.
- ²⁶Kalthum Jeran, (ed.), *Hikayat Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, (Kuala Lumpur, 1988), hlm. 33-48. Ia seterusnya akan dirujuk sebagai *Hikayat Pahang*.
- ²⁷*Hikayat Johor*, hlm. 11-2, 15-8.
- ²⁸Mata wang ringgit di sini ialah bahasa duit Melayu yang sebenarnya merujuk kepada mata wang dolar Sepanyol yang digunakan di Negeri-Negeri Selat sehingga tahun 1867. Setelah 1867, ia ditukar kepada Dollar Negeri-Negeri Selat tetapi masih lagi disebut oleh Orang-orang Melayu sebagai ringgit. Ia kemudiannya menjadi Dollar Malaya yang merupakan mata wang bagi seluruh Malaya selepas tahun 1909. Kadar tukarannya ialah di sekitar \$6 bagi setiap Pound Sterling. Lihat R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, (Kuala Lumpur: 1964, hlm. 522.)
- ²⁹Jumlah ini sebenarnya diperolehi daripada Winstedt yang menggunakan simbol \$ yang merujuk kepada \$500 dan \$10 dalam tulisannya. Lihat keseluruhan pengisahan peristiwa peperangan di Pahang dalam Winstedt, *A History of Johor*, hlm. 113-20.
- ³⁰Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*, MBRAS Monograph No. 18, (Kuala Lumpur, 1991) hlm. 24-31 dan W. Linehan, *A History of Pahang*, Charles Gremier, (Kuala Lumpur, 1973), *passim*.
- ³¹Lihat J. de V. Allen, A. J. Stockwell, L. R. Wright (eds.), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*, Vol. I. Oceana Publication, (London, 1981), hlm. 343-4.
- ³²Abu Bakar kepada MacPherson, 14 Mei 1863, dalam Maharajah's Letter Book (MLB) 1855-68, Arkib Negara Malaysia Cawangan Selatan, Johor Bahru.
- ³³*Hikayat Pahang*, hlm. 57-8.
- ³⁴*Hikayat Johor*, hlm. 18.
- ³⁵Peristiwa ini telah ditulis dalam sebuah rencana berjudul 'Blowing-up of The Steamer Johore, at Singapore' dalam *Illustrated London News*, 10 Jun 1865, dipetik daripada Tate, D. J. M. (comp.), *Straits Affairs: The Malay World and Singapore being Glimpses of The Straits Settlements and The Malay Peninsula in The Nineteenth Century as Seen Through The Illustrated London News and Other Contemporary Sources*, Falcon Press, (Petaling Jaya, 1989), hlm. 100. Lihat juga C. B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore 1819-1867*, University of Malaya Press, (Kuala Lumpur, 1965), hlm. 719-20.
- ³⁶*Hikayat Pahang*, hlm. 59-60; *Hikayat Johor*, hlm. 21-2.
- ³⁷*Hikayat Johor*, hlm. 52.
- ³⁸*Hikayat Pahang*, hlm. 106-7. 51-3.
- ³⁹Lihat Perjanjian Johor 1885 dalam versi bahasa Inggeris dalam J. de V. Allen, A. J. Stockwell, L. R. Wright (eds.), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*, hlm. 72-3.

⁴⁰*Hikayat Johor*, hlm. 53-4.

⁴¹*Hikayat Pahang*, hlm. 107-10.

⁴²Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933*, hlm. 87.

⁴³Smith kepada Knutsford, 30 Ogos 1888, dalam CO 273/154, National Archive at Kew (NAK), UK.

⁴⁴*Hikayat Pahang*, hlm. 91-2.

⁴⁵Weld kepada Kimberley, 23 November 1880, dalam CO 273/105, NAK UK.

⁴⁶Memorandum daripada Weld, dilampirkan dalam Smith kepada Derby, 23 Jun 1884, dalam CO 273/128.

⁴⁷*Hikayat Pahang*, hlm. 134 dan *Hikayat Johor*, hlm. 60.

RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad. 1971. 'The Travels of Abu Bakar, Maharajah of Johor to the Far East.' *Malaysia in History*, Vol. 14, hlm. 1-9.
- Ahmad Fawzi Mohamed Basri, (ed.). 1983. *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Allen, J. de V., Stockwell, A. J. & Wright, L. R., (eds.). 1981. *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*. Vol. 1. London: Oceana Publication.
- Aruna Gopinath. 1991. *Pahang 1880-1933: A Political History*. MBRAS Monograph No. 18. Kuala Lumpur.
- Brogan, Hugh. 1990. *The Penguin History of the United States of America*. London: Penguin Book Ltd.
- Buckley, C.B. 1965. *An Anecdotal History of Old Times in Singapore 1819-1867*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Gullick, J.M. 1992. *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press.
- Haji Mohamed Said Haji Sulaiman (Mejar Dato'). 1940. *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar*. Singapore: Malay Publishing House.
- _____. 1951. *Hikayat Johor yang Kedua: Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor Dari Permulaan Hingga Kedatangan Jepun (1941)*. Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Hikayat Johor Serta Pahang dalam Ahmad Fawzi Mohamed Basri, (ed.). 1983. *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, Muzium Negara Malaysia.
- Inventori Surat Persendirian M.Said bin Haji Sulaiman, No. Siri: SP 7, (2008), Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor (National Archives of Malaysia Johore Branch).
- Khaltum Jeran (ed.). 1986. *Hikayat Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Linehan, W. 1973. *A History of Pahang*. Kuala Lumpur: Charles Gremier.
- M.A. Fawzi Basri & Hasrom Harun. 1978. *Sejarah Johor Moden 1855-1940*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, Muzium Negara.
- Milner, A.C. 1995. *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Reynolds, David. 2009. *America, Empire of Liberty: A New History*. London: Penguin Books Ltd,.
- Sweeney, Amin, (ed.). 1980. *Tawarikh Datuk Bentara Luar*. Berkeley: University of California Press.
- Tate, D.J.M, (comp). 1989. *Straits Affairs: The Malay World and Singapore being Glimpses of The Straits Settlements and The Malay Peninsula in The Nineteenth Century as Seen Through The Illustrated London News and Other Contemporary Sources*. Petaling Jaya: Falcon Press.
- Trocki, C.A. 1979. *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*. Singapore: Singapore University Press.
- Umar Junus. 1984. *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Winstedt, R.O. 1992. *A History of Johor 1365-1941 A. D.*, Cetakan ketiga dalam MBRAS reprint no. 6. Kuala Lumpur.